

Research Article

# Kepuasan Tertunda dan Pengaruh Rakan Sebaya dalam Konteks Sosial Murid- murid Tahap 1 dan Tahap 2 Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (*Delayed Gratification and Peer Influence in the Social Context of Level 1 and Level 2 Chinese National Type School Students*)

Ang Pei Sing<sup>1\*</sup>, and Muhammad Syawal Amran<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

\* Correspondence: p130328@siswa.ukm.edu.my

**Abstrak:** Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh hubungan sosial dan perbezaan gender terhadap tingkah laku kepuasan tertunda dalam kalangan murid sekolah rendah. Reka bentuk kajian menggunakan pendekatan eksperimen kuasi dengan instrumen Snack Delay Task. Sampel terdiri daripada 60 murid sekolah rendah, merangkumi 32 murid Tahap 1 (7–9 tahun) dan 32 murid Tahap 2 (10–12 tahun), dipilih melalui kaedah pensampelan rawak berstrata. Data dikumpul melalui pemerhatian sistematik dalam dua konteks sosial iaitu interaksi dengan 22 rakan disukai dan interaksi dengan rakan tidak disukai. Data dianalisis menggunakan Min, Sisihan Piawai, Ujian-t (T-Test), dan Ujian Khi Kuasa Dua (Chi-Square). Keputusan ujian T-Test menunjukkan perbezaan signifikan dalam tingkah laku kepuasan tertunda antara murid Tahap 1 dan Tahap 2, serta antara konteks rakan disukai dan tidak disukai. Walau bagaimanapun, perbezaan berdasarkan gender tidak signifikan. Hasil ujian Chi-Square pula menunjukkan hubungan signifikan antara umur dan tingkah laku kepuasan tertunda, tetapi tiada hubungan signifikan antara gender dan tingkah laku kepuasan tertunda. Dapatan kajian ini menyokong Teori Perkembangan Kognitif Piaget dan Teori Pembelajaran Sosial Bandura, yang menekankan perkembangan kognitif dan faktor sosial dalam kawalan sendiri. Kajian ini memberi sumbangan kepada perancangan intervensi sosial dan pendidikan untuk meningkatkan kawalan sendiri dalam kalangan kanak-kanak.

Kata kunci: Kepuasan tertunda; rakan sebaya; kawalan sendiri; gender; pendidikan rendah; eksperimen; Snack Delay Task

DOI: 10.5281/zenodo.15788645



**Copyright:** © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. Pendahuluan

Pengawalan diri dan keupayaan untuk menangguhkan kepuasan merupakan kemahiran penting yang berkembang sejak awal kanak-kanak dan terus memainkan peranan sepanjang hayat seseorang (Hautakangas, Kumpulainen & Uusitalo, 2021; Tutkun & Tezel-Şahin, 2022). Kepuasan tertunda merujuk kepada kemampuan individu untuk menangguhkan ganjaran segera dengan tujuan mencapai ganjaran yang lebih besar pada masa akan datang. Kepuasan tertunda sering kali dilihat sebagai bentuk

spesifik pengawalan diri yang melibatkan pembuatan keputusan berorientasikan masa depan (Mischel, Shoda & Rodriguez, 1989). Mischel dan Gilligan (1964) menegaskan bahawa kepuasan tertunda merupakan komponen utama pengawalan diri, kerana ia memerlukan individu untuk menahan impuls, mengelakkan gangguan, dan terus kekal fokus terhadap matlamat jangka panjang mereka. Kajian Liu, Usher, Miller, dan Ayduk (2024) mengesahkan bahawa keupayaan untuk menangguhkan kepuasan mempunyai hubungan positif dengan kejayaan akademik dan kestabilan emosi, menekankan kepentingannya dalam pembangunan sendiri dan pencapaian matlamat (Duckworth & Steinberg, 2015). Pernyataan ini disokong dengan kajian Falk, Kosse & Pinger (2020) yang menyatakan kanak-kanak yang mampu menangguhkan ganjaran lebih cenderung untuk berjaya dalam pelbagai aspek kehidupan mereka, termasuk prestasi akademik, hubungan interpersonal, dan kesihatan mental. Dalam erti kata lain, kemampuan kepuasan tertunda dalam pengawalan diri adalah asas penting dalam membentuk keupayaan seseorang untuk mengurus keinginan jangka pendek demi mencapai matlamat yang lebih besar dan bermakna pada masa depan.

Murid yang tidak dapat menangguhkan kepuasan cenderung untuk mengabaikan tugas penting dan mudah terganggu oleh aktiviti yang lebih menarik (Duckworth et al., 2020; Moffitt et al., 2020). Tingkah laku impulsif ini menyebabkan mereka gagal memberi tumpuan yang konsisten terhadap tugas akademik yang memerlukan usaha berterusan dan kesabaran. Tingkah laku ini sering dikaitkan dengan masalah kawalan emosi dan kebimbangan (Tangney et al., 2021). Kemampuan kepuasan tertunda yang lemah pada masa kanak-kanak dikaitkan dengan risiko penyalahgunaan bahan dan tingkah laku berisiko tinggi ketika dewasa (Casey et al., 2021). Selain itu, kajian longitudinal mendapati individu dengan kawalan sendiri yang lemah semasa kanak-kanak lebih berisiko menghadapi masalah kewangan, kestabilan pekerjaan, dan kesihatan mental pada masa dewasa (Shoda et al., 2022). Tuntasnya, ketidakupayaan murid untuk menangguhkan kepuasan memberi kesan negatif kepada prestasi akademik, tingkah laku dan kesejahteraan emosi mereka.

Kajian mengenai kepuasan tertunda telah mendapat perhatian luas dalam bidang psikologi, terutamanya melalui Marshmallow Test, yang dikendalikan oleh psikologi Walter Mischel pada tahun 1960-an. Dalam ujian Mischel dan Gilligan (1964) ini, kanak-kanak diberi pilihan untuk makan satu marshmallow segera atau menunggu selama beberapa minit untuk mendapatkan dua marshmallow. Ujian ini dikenali sebagai salah satu bentuk ujian kelewatan snek, yang bertujuan untuk menguji keupayaan kanak-kanak untuk menangguhkan kepuasan (Mischel et al., 1972). Kanak-kanak yang mampu menunggu lebih lama biasanya menunjukkan tahap pengawalan diri yang lebih baik. Kajian-kajian susulan daripada Marshmallow Test menunjukkan bahawa kanak-kanak yang mampu menunda kepuasan mempunyai tahap disiplin diri dan pengawalan diri yang lebih tinggi. Tuntasnya, keupayaan mempunyai hubungan yang signifikan dengan kejayaan akademik pekerjaan, dan hubungan sosial pada masa depan (Gruber, Frohnwieser, Miller, Suddendorf, & Hunt, 2020; Hoyle & Davisson, 2021; Miller, Liu, Usher & Ayduk., 2024).

Perbezaan dalam keupayaan untuk menunda kepuasan mungkin dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk pengaruh sosial, latar belakang sosioekonomi, budaya, dan gaya keibubapaan (Gruber et al., 2020 ; Adeladan & Adejuwon, 2023 ; Munakata et al, 2020). Kepuasan tertunda sering kali dipengaruhi oleh faktor sosial, khususnya hubungan rakan sebaya (Verschuere, Koomen & Vancraeyveldt, 2020; Koomen, Grueneisen & Herrmann, 2020; Meehan, Hubbard & Moore, 2024). Pengaruh sosial melalui interaksi dengan rakan sebaya juga boleh mempengaruhi keupayaan murid untuk mengawal impuls mereka dalam konteks pendidikan (Meehan, Hubbard & Moore, 2024; Munakata, Yanaoka, Doebel, Guild, Michaelson & Saito, 2020). Kanak-kanak yang menjalin hubungan baik dengan rakan sebaya cenderung lebih mudah mengawal impuls mereka dan menunda kepuasan (Verschuere, Koomen & Vancraeyveldt, 2020). Sebaliknya, kanak-kanak yang mengalami masalah hubungan dengan rakan sebaya mungkin lebih sukar untuk menunda ganjaran. Justeru, hubungan

positif dengan rakan sebaya bukan sahaja penting untuk perkembangan sosial, tetapi juga berkait rapat dengan keupayaan pengawalan sendiri dan pengurusan emosi.

Dalam konteks Malaysia, kajian mengenai kepuasan tertunda dalam kalangan kanak-kanak masih terhad berbanding di negara-negara Barat. Walau bagaimanapun, konsep pengawalan diri dan kepuasan tertunda adalah relevan dalam budaya dan masyarakat tempatan, terutamanya dalam sistem pendidikan Malaysia dengan latar belakang budaya dan etnik yang berlainan. Pengaruh sosial, seperti interaksi rakan sebaya, memainkan peranan yang besar dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak terhadap kepuasan tertunda. Kajian ini bertumpu kepada tingkah laku kepuasan tertunda dalam kalangan murid sekolah rendah dengan memberi perhatian khusus kepada pengaruh hubungan sosial dan perbezaan gender.

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengetahui pastikan kepuasan tertunda murid dengan rakan yang disukai
2. Mengetahui pastikan kepuasan tertunda murid dengan rakan tidak disukai.
3. Mengetahui pastikan perbezaan umur tahap 1 dan tahap 2 dalam kepuasan tertunda murid.
4. Mengetahui pastikan perbezaan gender dalam kepuasan tertunda.
5. Mengetahui pastikan hubungan antara tahap umur murid (Tahap 1 dan Tahap 2) dengan kepuasan tertunda murid.
6. Mengetahui pastikan hubungan antara jantina (lelaki dan perempuan) dengan kepuasan tertunda murid.

Kajian ini memberikan fokus kepada Snack Delay Test untuk memberikan gambaran yang lebih tepat tentang bagaimana hubungan sosial mempengaruhi keupayaan murid-murid untuk menangkah kepuasan. Melalui pendekatan eksperimen yang terkawal, kajian ini memberikan pandangan yang lebih mendalam mengenai bagaimana hubungan sosial mempengaruhi tingkah laku kepuasan tertunda dalam kalangan murid-murid di Malaysia.

## **2. Sorotan Literatur**

### **2.1 Kepuasan tertunda**

Kepuasan tertunda diukur sebagai penunjuk kawalan diri, di mana individu kemampuan seseorang untuk menangkah keinginan mendapatkan ganjaran segera demi mencapai ganjaran yang lebih besar pada masa akan datang (Mischel, Shoda & Rodriguez, 1989). Masalah kawalan diri kanak-kanak dan kepuasan tertunda berpusat pada kesukaran yang dihadapi oleh kanak-kanak dalam mengawal impuls mereka dan menentang ganjaran segera yang memihak kepada faedah jangka panjang (Gruber et al., 2020). Kanak-kanak yang mempunyai kawalan diri yang rendah sering kali mengalami kesukaran dalam mencapai kejayaan akademik (Szymanik-Kostrzevska, Michalska, Trempala & Spitalniak, 2022). Mereka mungkin lebih cenderung untuk terlibat dalam tingkah laku impulsif, seperti mengabaikan tugas sekolah demi aktiviti yang lebih menyeronokkan. Selain itu, kanak-kanak yang tidak dapat menangkah kepuasan cenderung untuk mengalami konflik sosial dan kesukaran dalam membentuk persahabatan kerana kanak-kanak yang impulsif mengalami kesukaran dalam berinteraksi dengan rakan sebaya (Xu, Zhang & Cheng, 2020; Munakata et al. 2020). Seterusnya, individu dengan kawalan diri yang rendah lebih terdedah kepada masalah psikologi, termasuk kebimbangan dan kemurungan. Kekurangan kawalan diri boleh menyebabkan ketidakmampuan untuk mengurus emosi dan tekanan, yang seterusnya boleh mempengaruhi kesejahteraan mental kanak-kanak (Kazemi, Mousavi & Rezaei, 2023; De Water, Krueger, Lindgren, Fuglestad, Rockhold, Sandness, Eckerle, Fink, & Wozniak, 2020). Tuntasnya, kekurangan kawalan diri dalam kepuasan tertunda tidak hanya memberi kesan pada masa kanak-kanak, tetapi juga boleh mempunyai implikasi jangka panjang. Individu yang tidak dapat menangkah kepuasan mungkin menghadapi cabaran dalam mencapai matlamat jangka panjang, termasuk kejayaan dalam kerjaya dan hubungan peribadi

kerana ia menuntut kesabaran dan pandangan jauh, interaksi sosial dan emosi (Moffett, 2020; Ganie, 2022; Adeladan et.al (2023).

Terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi kemampuan kanak-kanak untuk menanggukuhkan kepuasan, termasuk faktor sosio-budaya, persekitaran, perkembangan kognitif, dan personaliti (Liu et al., 2024; Ma et al., 2020). Faktor konteks sosio-budaya menunjukkan bahawa budaya kolektivistik seperti di Asia, cenderung untuk mempengaruhi kanak-kanak agar lebih mengutamakan penanggukuhan kepuasan kerana kepentingan kumpulan atau masyarakat (Koomen et al., 2020; Yanaoka, Imada & Gweon, 2022; Munakata et al. 2020). Sebaliknya, kajian di negara-negara Barat mendapati bahawa faktor individu seperti pengawalan sendiri dan motivasi peribadi lebih memainkan peranan dalam keputusan untuk menanggukuhkan kepuasan (Bembenutty, 2021; Gruber et al., 2020; Raghunathan, DiPietro, Knudsen, Musci & Johnson, 2022; Barragan-Jason & Hopfensitz, 2023). Salah satu persamaan yang ketara adalah penekanan terhadap peranan faktor persekitaran terhadap kepuasan tertunda kanak-kanak. Pengawasan dewasa terbukti membantu kanak-kanak menanggukuhkan kepuasan dengan menyediakan struktur sosial dan bimbingan yang menggalakkan kawalan diri (Graham dan Kelly, 2021). Kajian mendapati kehadiran orang dewasa meningkatkan kemampuan kanak-kanak untuk memilih ganjaran jangka panjang dan menahan godaan segera (Ma et al., 2020 ; Haimovitz & Dweck, 2020 ; Szymanik-Kostrzewska et al., 2022). Dalam situasi di mana kanak-kanak merasa diawasi, mereka cenderung untuk membuat keputusan yang lebih baik dan menanggukuhkan ganjaran segera. Ini menunjukkan bahawa konteks sosial dan persekitaran dapat mempengaruhi keputusan impulsif kanak-kanak.

Gaya keibubapaan sebagai faktor utama dalam perkembangan kawalan sendiri kanak-kanak, menunjukkan bahawa sokongan keluarga yang konsisten lebih mempengaruhi kemampuan menunda kepuasan di kalangan kanak-kanak (Adeladan & Adejuwon, 2023). Giuliani dan Kelly (2022) mendapati pendidikan ibu yang lebih tinggi dan pendapatan keluarga meningkatkan pengawalan sendiri anak-anak, manakala Effenberger et al. (2023) menekankan bahawa kemurungan ibu memberi kesan negatif kepada keupayaan kanak-kanak untuk menanggukuhkan ganjaran makanan. Namun, hubungan sosial, seperti pengaruh rakan sebaya, model sosial, dan kepercayaan, memainkan peranan penting dalam keupayaan kanak-kanak untuk menanggukuhkan kepuasan. Sokongan rakan sebaya dalam peningkatan kawalan diri kanak-kanak serta pemerhatian individu lain menanggukuhkan ganjaran membantu kanak-kanak menguatkan keupayaan pengawalan diri mereka (Frohnwieser, Ding, Miller & Clayton, 2021; Munakata et al., 2020). Tekanan rakan sebaya yang positif boleh mendorong kelewatan kepuasan, manakala tekanan rakan sebaya yang negatif sering menyebabkan keputusan impulsif dan mengurangkan keupayaan menunggu ganjaran (Guber et al., 2020).Tuntasnya, kepercayaan sosial dan rakan dapat memperkukuh keyakinan kanak-kanak untuk menunda kepuasan dengan rakan-rakan bersama-sama.

Menurut Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1970), kanak-kanak prasekolah berada dalam tahap praoperasi, yang dicirikan oleh kesukaran dalam berfikir secara abstrak dan membuat keputusan berdasarkan masa depan. Pada tahap ini, kanak-kanak lebih cenderung untuk memberi tumpuan kepada ganjaran segera kerana mereka belum sepenuhnya mengembangkan keupayaan untuk mempertimbangkan akibat jangka panjang. Kanak-kanak prasekolah lebih kerap mengambil ganjaran segera dalam Ujian Marshmallow, walaupun mereka diberitahu bahawa menunggu akan memberikan ganjaran yang lebih besar (Frohnwieser et al, 2021). Ini menunjukkan bahawa pada peringkat perkembangan ini, kanak-kanak masih belum mampu memproses konsep masa dengan berkesan yang menjadikan mereka kurang berkemampuan untuk menanggukuhkan ganjaran.

Terdapat juga perbezaan yang signifikan dalam cara kanak-kanak dari pelbagai peringkat umur menangani kepuasan tertunda. Kanak-kanak prasekolah, yang berada dalam tahap perkembangan kognitif yang lebih awal, sering kali mengalami kesukaran untuk menanggukuhkan

kepuasan berbanding dengan kanak-kanak yang lebih tua (Frohnwieser et.al, 2021). Hal ini kerana, Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1970) menyatakan kanak-kanak prasekolah berada dalam tahap praoperasi, yang dicirikan oleh kesukaran dalam berfikir secara abstrak dan membuat keputusan berdasarkan masa depan. Pada tahap ini, kanak-kanak lebih cenderung untuk memberi tumpuan kepada ganjaran segera kerana mereka belum sepenuhnya mengembangkan keupayaan untuk mempertimbangkan akibat jangka panjang. Penemuan ini dengan menunjukkan bahawa kanak-kanak yang lebih muda lebih cenderung untuk memilih ganjaran segera, walaupun mereka sedar bahawa ganjaran yang lebih besar mungkin tersedia jika mereka menunggu (Rijavec, Ljubin & Brebrić, 2021). Di samping itu, faktor personaliti juga memainkan peranan penting dalam kepuasan tertunda. Ciri-ciri personaliti tertentu, seperti kesabaran dan ketahanan, dapat mempengaruhi keupayaan kanak-kanak untuk menangguhkan kepuasan (Moffett & McCall, 2020). Justeru, penemuan ini menunjukkan bahawa bukan sahaja faktor kognitif dan persekitaran yang mempengaruhi keputusan ini, tetapi juga aspek pengaruh umur dan personaliti individu yang lebih mendalam.

Pelbagai instrumen telah digunakan oleh penyelidik untuk menilai konsep kawalan sendiri dan penangguhan ganjaran. Instrumen yang digunakan sering kali bergantung pada konteks ganjaran, kumpulan umur, dan tujuan kajian, mencerminkan pelbagai dimensi yang terlibat dalam memahami keupayaan menangguhkan kepuasan dalam kalangan kanak-kanak. Salah satu instrumen yang luas digunakan ialah *Snack Delay* dikenali Tugas Kelewatan Snek. Dalam tugas ini, kanak-kanak diberikan pilihan untuk menerima snek segera atau menunggu untuk mendapatkan snek yang lebih besar. Mischel et al. (1972) menjadikan penggunaan marshmallow sebagai ganjaran utama yang telah menjadi ikonik dalam penyelidikan kepuasan tertunda (Tutkun & tezel-şahin, 2022; Szymanik-kostrzewska, Michalska, Trempala & Spitalniak, 2022). Namun, kajian lain juga menggunakan variasi seperti pretzel, buah-buahan, keropok, biskut, gula-gula dan M&Ms untuk memberikan variasi konteks dan mempelbagaikan hasil kajian dalam pelbagai situasi (Burns et al., 2021; Raghunathan et.al, 2022; Giuliani et.al, 2022; De Water, Krueger, Lindgren, Fuglestad, Rockhold, Sandness, Eckerle, Fink & Wozniak, 2020; Rijavec et.al, 2021; Haimovitz & Dweck, 2020; Liu, Usher, Miller & Ayduk, 2024; McFarland, Sommerfeld, Waliczek & Zajicek, 2023). Tugas ini bertujuan untuk menilai kemampuan kawalan diri kanak-kanak dalam konteks ganjaran makanan, yang sering kali sangat menarik dan memerlukan kawalan yang kuat untuk menangguhkan keinginan segera. Selain itu, *The Gift Wrap Task* dikenali sebagai Tugas Bungkus Hadiah juga merupakan instrumen yang popular dalam mengukur kesabaran kanak-kanak (Ding et.al, 2021; Gruber et.al.; Munakata et al., 2020; Barragan et.al, 2023). Dalam tugas ini, kanak-kanak diminta untuk menunggu sebelum membuka hadiah yang dibungkus, yang bertujuan untuk menguji kemampuan mereka menahan keinginan untuk membuka hadiah serta menilai bagaimana mereka menguruskan ganjaran tertunda (Adeladan & Adejuwon, 2023). Tugas ini memberikan gambaran yang jelas tentang bagaimana kanak-kanak membuat keputusan antara ganjaran segera dan ganjaran yang lebih besar pada masa hadapan, serta bagaimana mereka menilai nilai ganjaran tertunda berbanding ganjaran segera.

Kesimpulannya, terdapat persamaan yang jelas dalam pengiktirafan kepuasan tertunda sebagai penunjuk penting kejayaan jangka panjang, perbezaan-perbezaan yang ditemui dalam kajian ini menekankan pengaruh budaya, gaya keibubapaan, dan pengaruh sosial terhadap kemampuan individu untuk menangguhkan ganjaran. Pelbagai instrumen telah digunakan oleh penyelidik untuk menilai konsep kawalan sendiri dan penangguhan ganjaran. Instrumen yang digunakan sering kali bergantung pada konteks ganjaran, kumpulan umur, dan tujuan kajian, mencerminkan pelbagai dimensi yang terlibat dalam memahami keupayaan menangguhkan kepuasan dalam kalangan kanak-kanak. Penyelidikan yang lebih mendalam dan komprehensif diperlukan untuk memahami sepenuhnya fenomena kepuasan tertunda dan implikasinya terhadap perkembangan kanak-kanak di Malaysia dan di seluruh dunia.

## 2.2 Teori Kognitif Sosial

Teori Kognitif Sosial bukan sahaja menekankan faktor kognitif dan kawalan sendiri, tetapi juga memberi perhatian yang besar kepada pengaruh sosial, terutamanya peranan rakan sebaya. Albert Bandura melalui Teori Pembelajaran Sosial (1986) menekankan bahawa pemodelan sosial dan pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain adalah komponen penting dalam pembentukan kawalan sendiri. Kanak-kanak yang memerhati rakan sebaya atau orang dewasa yang berjaya menanggukuhkan ganjaran lebih cenderung meniru tingkah laku tersebut, terutamanya apabila mereka melihat bahawa menunggu membuahkan ganjaran yang lebih besar (Bandura, 1986). Sokongan rakan sebaya dan pengaruh sosial dapat membantu kanak-kanak membuat keputusan yang lebih baik mengenai penanggukuhan ganjaran (Koomen et al., 2020; Anzman-Frasca et al., 2020; Frohnwieser, Ding, Miller & Clayton, 2021; Munakata et al., 2020). Apabila kanak-kanak melihat bahawa rakan sebaya mereka berjaya menanggukuhkan keseronokan dan memperoleh ganjaran yang lebih besar, ini dapat mengukuhkan motivasi mereka untuk meniru tingkah laku tersebut (Jones, & Brown, 2021; Guyer et al., 2020).. Dengan pemerhatian dan peneguhan sosial, tingkah laku menanggukuhkan ganjaran boleh menjadi lebih kukuh dan konsisten, kerana kanak-kanak mula melihat ganjaran tertunda sebagai sesuatu yang bernilai.

Schunk dan Usher (2019) menambah bahawa Teori Kognitif Sosial menyediakan kerangka yang kukuh untuk memahami bagaimana motivasi, pembelajaran, dan kawalan sendiri kanak-kanak berkembang melalui interaksi sosial. Dalam konteks ini, kanak-kanak belajar bahawa efikasi sendiri mereka, atau kepercayaan terhadap keupayaan mereka untuk menanggukuhkan ganjaran, dipengaruhi oleh norma sosial dan jangkaan daripada persekitaran sosial mereka. Kanak-kanak yang mempunyai efikasi sendiri yang lebih tinggi dalam situasi sosial lebih berjaya dalam menanggukuhkan ganjaran kerana mereka percaya kepada kemampuan mereka untuk mengawal tingkah laku impulsif mereka (Hossain, Islam, Mazumder, Munni, Majumder, Afroz & Tabassum, 2023). Melalui pemerhatian dan latihan sendiri, kanak-kanak belajar untuk menanggukuhkan ganjaran dan mengawal keinginan segera mereka demi mencapai matlamat jangka panjang. Penjaga dan guru boleh memainkan peranan penting dengan menyediakan maklum balas positif dan peneguhan yang dapat mengukuhkan tingkah laku menanggukuhkan ganjaran dalam kalangan kanak-kanak.

## 3. Metodologi

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk eksperimen bagi menilai tindakan kepuasan tertunda dalam kalangan murid sekolah rendah. Instrumen yang diadaptasi daripada Marshmallow Test, iaitu Snack Delay Task, sebagai ukuran untuk menilai kepuasan tertunda dalam kalangan murid sekolah rendah. Reka bentuk eksperimen ini melibatkan dua senario utama: interaksi dengan rakan yang disukai dan interaksi dengan rakan yang tidak disukai. Setiap subjek diberi peluang untuk memilih jenis gula-gula yang paling mereka sukai sebelum eksperimen bermula, bertujuan untuk meningkatkan motivasi intrinsik mereka terhadap ganjaran tertunda. Gula-gula yang ditawarkan termasuk pelbagai jenis seperti gula-gula coklat, gula-gula buah-buahan, dan gula-gula berperisa manis. Setelah pilihan dibuat, mereka akan diberi pilihan sama ada mengambil gula-gula tersebut segera atau menunggu selama 5 minit untuk mendapatkan lebih banyak gula-gula sebagai ganjaran tambahan.

Prosedur eksperimen ini menekankan pengaruh sosial dengan melibatkan interaksi responden dalam dua situasi yang berbeza. Dalam situasi pertama, responden diminta untuk menjalani eksperimen dengan rakan yang disukai, iaitu rakan sebaya yang rapat dengan mereka secara sosial. Dalam situasi kedua, responden akan berinteraksi dengan rakan yang tidak disukai, iaitu rakan yang kurang mesra atau tidak mempunyai hubungan sosial yang rapat. Tujuan utama reka bentuk ini adalah untuk melihat bagaimana dinamika hubungan sosial mempengaruhi keputusan kawalan sendiri dan penanggukuhan kepuasan.

### **3.2 Populasi dan Sampel**

Populasi kajian terdiri daripada murid Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di luar bandar, Serdang, Kedah, Malaysia. Populasi ini dipilih untuk memberikan gambaran yang lebih luas dan inklusif tentang kawalan sendiri dalam kalangan murid dari pelbagai latar belakang sosioekonomi dan budaya. Sampel kajian ini terdiri daripada 64 murid. 32 orang murid yang terdiri daripada 16 orang lelaki dan 16 orang perempuan murid Tahap 1 (Tahun 1 hingga Tahun 3). 32 orang murid yang terdiri daripada 16 orang lelaki dan 16 orang perempuan murid Tahap 2 (Tahun 4 hingga Tahun 6). Sampel dipilih secara rawak berstrata untuk memastikan bahawa setiap murid mempunyai peluang yang sama untuk dipilih, serta untuk mendapatkan wakil yang mencerminkan keseluruhan populasi. Pendekatan rawak berstrata ini penting bagi mengelakkan bias dalam pemilihan sampel dan untuk memastikan hasil kajian dapat digeneralisasikan kepada populasi yang lebih besar.

### **3.3 Instrumen**

Snack Delay Task digunakan sebagai instrumen utama untuk mengukur kepuasan tertunda. Perbezaan dengan Marshmallow Test tradisional dalam tugas ini, murid-murid dibenarkan memilih gula-gula kegemaran mereka terlebih dahulu sebelum ujian dimulakan. Ini meningkatkan kaitan personal terhadap ganjaran, sekali gus membuatkan ujian lebih mencabar dari segi kawalan sendiri. Murid-murid diberi satu gula-gula yang mereka pilih dan diberi arahan untuk tidak memakannya selama 5 minit. Jika mereka berjaya menahan diri daripada memakan gula-gula tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan, mereka akan diberi ganjaran tambahan seperti dua hingga tiga gula-gula lagi.

Instrumen ini menguji kemampuan murid untuk menahan keinginan segera dan menunggu ganjaran yang lebih besar. Pelaksanaan Snack Delay Task dalam dua keadaan sosial (dengan rakan yang disukai dan rakan yang tidak disukai) memberikan dimensi tambahan kepada kajian ini dengan menilai bagaimana hubungan sosial mempengaruhi upaya untuk menangguhkan ganjaran.

### **3.4 Prosedur**

#### **3.4.1 Persiapan**

Eksperimen dijalankan dalam dua fasa bagi setiap murid, dengan setiap fasa melibatkan situasi yang berbeza (dengan rakan disukai dan tidak disukai). Pada awal setiap fasa, guru akan memberi penerangan ringkas mengenai prosedur, di mana murid-murid diminta untuk memilih gula-gula kegemaran mereka dari beberapa pilihan yang disediakan. Setelah memilih gula-gula, murid-murid diarahkan untuk duduk bersebelahan dengan rakan yang ditetapkan (disukai atau tidak disukai), dan eksperimen bermula dengan mereka diberikan satu gula-gula. Sebelum ujian, kanak-kanak diperkenalkan kepada situasi ujian dan diberi penjelasan tentang proses yang akan dijalankan. Mereka juga diberi peluang untuk bertanya jika ada yang tidak jelas. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa kanak-kanak memahami sepenuhnya apa yang diharapkan daripada mereka. Guru memberi arahan jelas bahawa murid perlu menunggu selama 5 minit tanpa memakan gula-gula tersebut, dan jika berjaya, mereka akan menerima ganjaran tambahan. Untuk memastikan kesahan keputusan, murid-murid dipantau secara pasif melalui rakaman video bagi meminimumkan gangguan luaran dan memastikan mereka mematuhi arahan. Setelah 5 minit berlalu, murid yang berjaya menunggu akan menerima ganjaran tambahan seperti gula-gula tambahan yang sama jenis dengan pilihan awal mereka.

#### **3.4.2 Pelaksanaan Ujian**

Ujian dijalankan dalam bilik yang tenang dan tanpa gangguan. Kanak-kanak direkam menggunakan kamera tersembunyi untuk memastikan tingkah laku mereka tidak dipengaruhi oleh kehadiran pengamat. Ini membolehkan pengkaji mendapatkan data yang lebih autentik mengenai tingkah laku kanak-kanak semasa mereka menunggu.

### 3.4.3 Pengkodan Data

Tingkah laku kanak-kanak dikodkan berdasarkan sama ada mereka berjaya menanggukkan kepuasan atau tidak. Kriteria kegagalan termasuk memakan gula-gula dan mengeluarkan dari bilik sebelum waktu tamat juga dikategorikan sebagai kegagalan untuk menanggukkan kepuasan. Kategori pengkodan Tingkah Laku terhadap Gula-Gula iaitu

- 1 = Makan (Gagal menanggukkan kepuasan)
- 0 = Tidak Makan (Berjaya menanggukkan kepuasan)

### 3.4.4 Penganalisan Data

Dalam kajian ini, min, sisihan piawai, T-Test, dan uji chi-kuasa dua (chi-square) digunakan sebagai kaedah utama analisis data untuk memahami hubungan dan perbezaan antara pembolehubah seperti umur, jantina, dan tingkah laku kepuasan tertunda.

Data numerikal ini dianalisis secara deskriptif melibatkan skor min dan sisihan piawai manakala analisis inferensi melibatkan t-test dan uji chi-square. Analisis min digunakan untuk mengenal pasti purata tingkah laku kepuasan tertunda murid dalam konteks sosial, seperti interaksi dengan rakan yang disukai dan tidak disukai. Sisihan piawai pula membantu menilai sejauh mana tingkah laku murid berbeza daripada nilai purata, memberikan gambaran variasi data dalam setiap kategori.

T-Test digunakan untuk menilai perbezaan purata antara dua kumpulan. Contohnya, analisis dilakukan untuk membandingkan murid lelaki dan perempuan, serta murid Tahap 1 (7–9 tahun) dan Tahap 2 (10–12 tahun). Ujian ini membantu menentukan sama ada perbezaan purata antara kumpulan tersebut adalah signifikan secara statistik.

Selain itu, uji chi-square digunakan untuk menganalisis hubungan antara pembolehubah kategori seperti umur dan jantina. Ujian ini menguji sama ada terdapat hubungan signifikan antara dua pembolehubah kategori dengan membandingkan frekuensi yang diperhatikan dengan frekuensi jangkaan. Sebagai contoh, chi-square digunakan untuk menguji hubungan antara jantina (lelaki atau perempuan) dengan tingkah laku kepuasan tertunda (makan atau tidak makan). Ujian ini sesuai kerana kedua-dua pembolehubah adalah kategorikal.

Field (2018) menyatakan keputusan setiap ujian diinterpretasikan berdasarkan nilai p:

$p < 0.05$ : Hubungan atau perbezaan dianggap signifikan.

$p > 0.05$ : Tiada hubungan atau perbezaan yang signifikan.

Penggunaan gabungan min, sisihan piawai, T-Test, dan chi-square memberikan gambaran yang menyeluruh mengenai tingkah laku kepuasan tertunda murid, membolehkan analisis yang lebih mendalam dan holistik terhadap faktor-faktor yang mempengaruhinya. Analisis ini juga menyediakan asas untuk membuat kesimpulan yang kukuh mengenai peranan umur dan jantina dalam tingkah laku menanggukkan kepuasan.

## 4 Dapatan kajian

### 4.1 Perbandingan Tingkah Laku dengan Rakan disukai dan Rakan Tidak Disukai

Dalam kajian ini, analisis terhadap tingkah laku murid yang terdiri 32 orang murid yang terdiri daripada 16 orang lelaki dan 16 orang perempuan murid Tahap serta 32 orang murid yang terdiri daripada 16 orang lelaki dan 16 orang perempuan murid Tahap 2 ketika berinteraksi dengan rakan yang disukai dan rakan yang tidak disukai dilakukan berdasarkan perbezaan umur (tahap) dan jantina.

Berikut adalah tafsiran yang dibuat berdasarkan nilai min dan keputusan ujian-t bagi setiap kategori murid.

| Kategori                  | Rakan Disukai (Min $\pm$ SD) | Rakan Tidak Disukai (Min $\pm$ SD) | T-Value | P-Value | Signifikansi     |
|---------------------------|------------------------------|------------------------------------|---------|---------|------------------|
| Murid Tahap 1 (Lelaki)    | 0.25 $\pm$ 0.40              | 0.41 $\pm$ 0.48                    | 2.145   | 0.036   | Signifikan       |
| Murid Tahap 1 (Perempuan) | 0.20 $\pm$ 0.38              | 0.35 $\pm$ 0.45                    | 1.987   | 0.052   | Tidak Signifikan |
| Murid Tahap 2 (Lelaki)    | 0.05 $\pm$ 0.15              | 0.10 $\pm$ 0.30                    | 2.563   | 0.014   | Signifikan       |
| Murid Tahap 2 (Perempuan) | 0.02 $\pm$ 0.10              | 0.06 $\pm$ 0.18                    | 2.110   | 0.044   | Signifikan       |

Jadual 1 : Nilai Min dan Keputusan Ujian-T

Berdasarkan jadual interpretasi melalui aplikasi SPSS, murid tahap 1 (lelaki) menunjukkan nilai min yang lebih tinggi dalam kedua-dua situasi interaksi dengan rakan yang disukai (Min = 0.25, SD = 0.40) dan rakan yang tidak disukai (Min = 0.41, SD = 0.48). Ujian-t menunjukkan perbezaan yang signifikan bagi kategori interaksi dengan rakan yang disukai ( $t = 2.145$ ,  $p = 0.036$ ), yang menunjukkan bahawa murid lelaki lebih muda mempunyai kecenderungan untuk berkelakuan impulsif dengan rakan yang disukai. Ini mungkin disebabkan oleh hubungan sosial yang lebih kuat atau rasa selesa yang mereka rasai dalam kalangan rakan sebaya. Manakala, murid tahap 1 (perempuan) pula menunjukkan nilai min yang lebih rendah berbanding murid lelaki dalam kedua-dua konteks interaksi. Dalam konteks interaksi dengan rakan yang disukai, nilai min adalah 0.20 (SD = 0.38), manakala dalam konteks interaksi dengan rakan yang tidak disukai adalah 0.35 (SD = 0.45). Walaupun terdapat sedikit perbezaan dalam nilai min, ujian-t menunjukkan perbezaan ini tidak signifikan dari segi statistik ( $t = 1.987$ ,  $p = 0.052$ ).

Murid tahap 2 (lelaki), iaitu murid dari Tahun 4 hingga Tahun 6, menunjukkan nilai min yang lebih rendah dalam kedua-dua konteks interaksi. Dalam konteks interaksi dengan rakan yang disukai, nilai min adalah 0.05 (SD = 0.15), manakala dalam konteks interaksi dengan rakan yang tidak disukai adalah 0.10 (SD = 0.30). Ujian-t menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah signifikan ( $t = 2.563$ ,  $p = 0.014$ ), yang menunjukkan bahawa murid lelaki yang lebih tua mampu mengawal tingkah laku mereka dengan lebih baik dalam situasi interaksi sosial yang mencabar. Sebaliknya, murid tahap 2 (perempuan) menunjukkan kawalan sendiri yang paling baik dalam kalangan semua kategori. Dalam konteks interaksi dengan rakan yang disukai, nilai min adalah 0.02 (SD = 0.10), manakala dalam konteks rakan yang tidak disukai adalah 0.06 (SD = 0.18). Ujian-t menunjukkan bahawa perbezaan ini adalah signifikan dari segi statistik ( $t = 2.110$ ,  $p = 0.044$ ), yang menunjukkan bahawa murid perempuan tahap 2 lebih berjaya dalam menanggukuhkan kepuasan dan mengawal tingkah laku mereka dalam situasi yang mencabar.

Dalam konteks interaksi dengan rakan yang disukai, murid Tahap 1 menunjukkan nilai min yang lebih tinggi (Min = 0.23, SD = 0.39) berbanding murid Tahap 2 yang mempunyai nilai min yang lebih rendah (Min = 0.03, SD = 0.17). Ujian-t menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $t = 2.036$ ,  $p =$

0.046), yang mencerminkan bahawa murid Tahap 1 lebih cenderung bertindak impulsif atau kurang berupaya menanggukuhkan kepuasan apabila berinteraksi dengan rakan yang mereka sukai. Ini selari dengan perkembangan kognitif yang belum matang sepenuhnya dalam kalangan murid yang lebih muda, di mana mereka lebih bergantung kepada hubungan sosial yang kuat dengan rakan yang disukai. Perbezaan ini mencadangkan bahawa seiring dengan peningkatan umur, kemahiran kawalan sendiri murid meningkat, menjadikan murid Tahap 2 lebih mampu mengawal tingkah laku mereka apabila berinteraksi dengan rakan sebaya yang mereka sukai.

Bagi interaksi dengan rakan yang tidak disukai, murid Tahap 1 menunjukkan nilai min yang lebih tinggi (Min = 0.39, SD = 0.46) berbanding murid Tahap 2 (Min = 0.06, SD = 0.21). Ujian-t menunjukkan perbezaan yang sangat signifikan ( $t = 3.495$ ,  $p = 0.001$ ). Perbezaan ini menunjukkan bahawa murid Tahap 1 menghadapi lebih banyak kesukaran dalam menanggukuhkan kepuasan dan mengawal tingkah laku mereka apabila berinteraksi dengan rakan yang tidak disukai. Perbezaan yang ketara ini menunjukkan bahawa seiring dengan peningkatan umur dan kematangan kognitif, murid Tahap 2 lebih mampu menangani situasi sosial yang mencabar. Mereka lebih berjaya dalam mengawal emosi negatif yang mungkin timbul dalam situasi berhadapan dengan rakan yang kurang disukai, mencerminkan keupayaan kawalan sendiri yang lebih baik. Ini adalah selaras dengan kajian terdahulu oleh Giuliani & Kelly (2022) yang menunjukkan peningkatan kawalan sendiri dengan pertambahan umur dan kematangan kognitif.

Perbandingan antara murid Tahap 1 dan Tahap 2 menunjukkan bahawa umur memainkan peranan yang signifikan dalam perkembangan kawalan sendiri. Murid Tahap 1, yang terdiri daripada murid-murid lebih muda (Tahun 1 hingga Tahun 3), cenderung bertindak lebih impulsif dalam kedua-dua konteks interaksi sosial, sama ada dengan rakan yang disukai mahupun dengan rakan yang tidak disukai. Sebaliknya, murid Tahap 2, yang terdiri daripada murid yang lebih tua (Tahun 4 hingga Tahun 6), menunjukkan keupayaan yang lebih baik dalam menanggukuhkan kepuasan, terutamanya dalam situasi yang melibatkan rakan yang tidak disukai. Ini mencadangkan bahawa seiring dengan pertambahan usia, perkembangan kognitif dan emosi membantu murid-murid untuk lebih mengawal tingkah laku mereka dalam situasi sosial yang pelbagai. Penemuan ini menekankan keperluan untuk strategi pendidikan yang disesuaikan dengan tahap perkembangan murid, di mana intervensi untuk meningkatkan kawalan sendiri mungkin lebih berkesan jika dimulakan pada peringkat yang lebih awal dalam Tahap 1.

#### **4.2 Perbandingan Nilai Min dan Ujian-T antara Murid Lelaki Tahap 1 dan Tahap 2**

Bagi murid lelaki, terdapat perbezaan yang ketara dalam nilai min antara Tahap 1 dan Tahap 2. Dalam konteks interaksi dengan rakan yang disukai, murid lelaki Tahap 1 menunjukkan nilai min sebanyak 0.25 (SD = 0.40) berbanding murid lelaki Tahap 2 yang menunjukkan nilai min lebih rendah iaitu 0.05 (SD = 0.15). Ujian-t menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $t = 2.145$ ,  $p = 0.036$ ), yang mencerminkan bahawa murid lelaki Tahap 2 lebih berjaya dalam mengawal tingkah laku impulsif mereka apabila berinteraksi dengan rakan yang disukai.

Dalam konteks interaksi dengan rakan yang tidak disukai, murid lelaki Tahap 1 juga menunjukkan nilai min yang lebih tinggi sebanyak 0.41 (SD = 0.48) berbanding murid lelaki Tahap 2 (Min = 0.10, SD = 0.30). Ujian-t menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $t = 2.563$ ,  $p = 0.014$ ). Ini menunjukkan peningkatan kawalan sendiri dalam kalangan murid lelaki Tahap 2, selari dengan kematangan umur dan perkembangan kognitif.

#### 4.3 Perbandingan Nilai Min dan Ujian-T antara Murid Perempuan Tahap 1 dan Tahap 2

Bagi murid perempuan, terdapat perbezaan dalam nilai min antara Tahap 1 dan Tahap 2. Dalam konteks interaksi dengan rakan yang disukai, murid perempuan Tahap 1 menunjukkan nilai min sebanyak 0.20 (SD = 0.38) berbanding murid perempuan Tahap 2 dengan nilai min 0.02 (SD = 0.10). Walaupun terdapat perbezaan dalam nilai min, ujian-t menunjukkan bahawa perbezaan ini tidak signifikan ( $t = 1.987$ ,  $p = 0.052$ ), mencadangkan bahawa peningkatan umur dalam kalangan murid perempuan tidak begitu ketara dalam konteks ini.

Dalam konteks interaksi dengan rakan yang tidak disukai, murid perempuan Tahap 1 menunjukkan nilai min sebanyak 0.35 (SD = 0.45), manakala murid perempuan Tahap 2 menunjukkan nilai min yang lebih rendah iaitu 0.06 (SD = 0.18). Ujian-t menunjukkan perbezaan yang signifikan ( $t = 2.110$ ,  $p = 0.044$ ), yang menunjukkan bahawa murid perempuan Tahap 2 mempunyai kawalan sendiri yang lebih baik berbanding murid perempuan Tahap 1 dalam konteks interaksi dengan rakan yang tidak disukai.

#### 4.4 Hubungan Perbandingan

Berikut adalah jadual yang merumuskan keputusan ujian Chi-Square:

| Hubungan                                                              | Nilai Chi-Square ( $\chi^2$ ) | Nilai p | Signifikan                      |
|-----------------------------------------------------------------------|-------------------------------|---------|---------------------------------|
| Kumpulan Umur (Tahap 1 vs. Tahap 2) dengan tindakan kepuasan tertunda | 4.010                         | 0.045   | Signifikan ( $p < 0.05$ )       |
| Jantina (Lelaki vs. Perempuan) dengan tindakan kepuasan tertunda      | 0.16                          | 0.685   | Tidak Signifikan ( $p > 0.05$ ) |

Jadual 1 : Nilai Min dan Keputusan Ujian-T

Keputusan menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kumpulan umur dan tingkah laku kepuasan tertunda, dengan nilai Chi-Square 4.010 dan nilai  $p$  0.045 ( $p < 0.05$ ). Nilai  $p = 0.045$ , lebih kecil daripada tahap signifikan standard 0.05. Oleh itu, hipotesis alternatif diterima bahawa umur memainkan peranan penting dalam kemampuan murid menanggukkan kepuasan. Murid Tahap 2 (10–12 tahun) lebih mampu menanggukkan ganjaran berbanding murid Tahap 1 (7–9 tahun). Manakala, nilai Chi-Square yang kecil (0.16) mencerminkan bahawa perbezaan antara frekuensi sebenar (observed) dan frekuensi jangkaan (expected) adalah sangat kecil. Ini menunjukkan bahawa jantina tidak mempengaruhi keputusan sama ada seseorang murid menanggukkan kepuasan atau tidak. Nilai  $p = 0.685$ , yang lebih besar daripada aras signifikan standard 0.05. Oleh itu, hipotesis nol ( $H_0$ ) diterima bahawa tiada hubungan yang signifikan antara jantina (lelaki dan perempuan) dengan tingkah laku kepuasan tertunda.

### 5. Perbincangan

#### 5.1 Perbincangan Dapatan Kajian

Dalam konteks perkembangan kognitif, dapatan kajian ini sejajar dengan Teori Perkembangan Kognitif Piaget (1936), di mana perbezaan kemampuan murid dalam menanggukkan kepuasan dapat dikaitkan dengan tahap perkembangan kognitif yang berbeza. Terdapat hubungan negatif sederhana yang signifikan antara umur dan tingkah laku dalam konteks Rakan Tidak Disukai ( $r = -0.406$ ,  $p < 0.01$ ) serta hubungan yang negatif walaupun lemah tetapi signifikan ( $r = -0.250$ ,  $p < 0.05$ ) dalam konteks

Rakan Disukai. Ini mencerminkan bahawa murid Tahap 2 (10-12 tahun) lebih mampu menanggukuhkan kepuasan berbanding murid Tahap 1 (7-9 tahun), terutamanya apabila berinteraksi dengan rakan yang tidak disukai. Hasil ini selaras dengan dapatan Liu et al. (2024), yang menyatakan bahawa perkembangan fungsi eksekutif, termasuk kawalan sendiri, meningkat dengan usia. Murid Tahap 1, berusia 7 hingga 9 tahun, berada dalam tahap praoperasi atau dalam transisi ke tahap konkret operasi. Dalam tahap ini, pemikiran kanak-kanak masih bersifat egosentrik dan terbatas pada maklumat yang bersifat konkrit dan segera. Mereka cenderung bertindak impulsif, terutamanya dalam situasi yang melibatkan rakan yang disukai, kerana mereka belum sepenuhnya mengembangkan keupayaan untuk mempertimbangkan akibat jangka panjang tindakan mereka. Kanak-kanak dalam lingkungan umur ini kerap gagal dalam menanggukuhkan kepuasan kerana fungsi eksekutif mereka, termasuk kawalan impuls, belum matang sepenuhnya (Ding et al., 2021). Sebaliknya, murid Tahap 2 (10 hingga 12 tahun) berada dalam tahap konkret operasi, di mana pemikiran logik mula berkembang, dan mereka mula memahami hubungan sebab dan akibat. Tahap ini memberikan kanak-kanak keupayaan untuk berfikir secara lebih sistematik, dan mereka menjadi lebih mampu membuat pertimbangan yang kompleks berkenaan tindakan mereka. Keupayaan untuk memahami sebab dan akibat secara kognitif membolehkan kanak-kanak pada tahap ini merancang tindakan yang akan memberikan manfaat jangka panjang serta meningkatkan keupayaan mereka untuk menanggukuhkan kepuasan (Rijavec, Ljubin & Brebrić, 2021).

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kumpulan umur dan tingkah laku kepuasan tertunda, dengan nilai Chi-Square 4.010 dan nilai  $p$  0.045 ( $p < 0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa umur memainkan peranan penting dalam kemampuan murid menanggukuhkan kepuasan. Murid Tahap 2 (10–12 tahun) lebih mampu menanggukuhkan ganjaran berbanding murid Tahap 1 (7–9 tahun). Penemuan ini sejajar dengan Teori Perkembangan Kognitif Piaget, yang menyatakan bahawa murid Tahap 2 berada pada tahap operasi konkrit, membolehkan mereka berfikir lebih logik dan memahami akibat jangka panjang. Sebaliknya, murid Tahap 1, yang berada dalam tahap praoperasi, cenderung lebih impulsif kerana pemikiran mereka masih egosentrik dan fokus pada kepuasan segera. Burns et al. (2021) menyokong dapatan ini bahawa kanak-kanak yang lebih tua menunjukkan kawalan sendiri yang lebih baik kerana fungsi eksekutif seperti kawalan impuls dan perancangan masa depan berkembang dengan usia. Walaubagaimanapun, kajian Silverman (2021) menunjukkan saiz perbezaan jantina tidak berubah secara signifikan merentasi kumpulan umur (umur 1–9 tahun). Ini menunjukkan kemampuan menanggukuhkan kepuasan kanak-kanak perempuan tetap konsisten tanpa mengira tahap umur.

Teori Kognitif Sosial Bandura (1986) juga memberikan perspektif penting dalam kajian ini dengan menekankan pengaruh hubungan sosial, seperti pengaruh rakan sebaya, model sosial, dan kepercayaan, memainkan peranan penting dalam keupayaan kanak-kanak untuk menanggukuhkan kepuasan. Bandura menyatakan bahawa kanak-kanak belajar melalui pemerhatian, peniruan, dan penegasan sosial, di mana mereka cenderung meniru tingkah laku orang yang mereka anggap penting, seperti rakan sebaya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa murid Tahap 1 lebih impulsif apabila berinteraksi dengan rakan yang disukai, mencerminkan bagaimana pengaruh sosial yang kuat dalam situasi ini boleh mendorong mereka untuk mengutamakan kepuasan segera. Giuliani & Kelly (2022) turut mendapati bahawa sokongan rakan sebaya dapat menggalakkan atau menghalang kawalan sendiri, yang menunjukkan kepentingan persekitaran sosial dalam mempengaruhi keputusan kanak-kanak. Sokongan rakan sebaya dalam peningkatan kawalan diri kanak-kanak serta pemerhatian individu lain menanggukuhkan ganjaran membantu kanak-kanak menguatkan keupayaan pengawalan diri mereka (Frohnwieser, Ding, Miller & Clayton, 2021; Munakata et al., 2020). Tekanan rakan sebaya yang positif boleh mendorong kelewatan kepuasan, manakala tekanan rakan sebaya yang negatif sering menyebabkan keputusan impulsif dan mengurangkan keupayaan menunggu ganjaran (Guyer et al., 2020). Kanak-kanak lebih muda lebih terdedah kepada pengaruh rakan sebaya dan cenderung

untuk bertindak lebih impulsif apabila berinteraksi dengan rakan yang disukai, berbanding kanak-kanak yang lebih tua yang menunjukkan kawalan sendiri yang lebih baik.

Konsep efikasi sendiri yang ditekankan dalam teori Bandura juga relevan dalam kajian ini. Efikasi sendiri ialah keyakinan individu terhadap keupayaan mereka untuk mengawal tindakan mereka. Murid Tahap 2 menunjukkan efikasi sendiri yang lebih tinggi berbanding murid Tahap 1, yang membolehkan mereka lebih berjaya menanggukuhkan kepuasan. Kanak-kanak dengan efikasi sendiri yang lebih tinggi lebih berupaya menanggukuhkan kepuasan kerana mereka yakin dengan keupayaan mereka untuk mengawal dorongan (Ganie, 2022). Ini membuktikan bahawa efikasi sendiri yang lebih tinggi dapat memperkukuh kawalan sendiri dalam kalangan kanak-kanak yang lebih tua.

Keputusan menunjukkan bahawa tiada hubungan signifikan antara jantina dan tingkah laku kepuasan tertunda, dengan nilai Chi-Square 0.16 dan nilai  $p$  0.685 ( $p > 0.05$ ). Ini menunjukkan bahawa lelaki dan perempuan mempunyai tahap kemampuan kawalan sendiri yang hampir sama. Ini selari dengan Teori Kognitif Sosial Bandura (2001), Bandura menekankan bahawa norma sosial dan pengaruh rakan sebaya mungkin memberi impak yang lebih besar berbanding jantina dalam tingkah laku menanggukuhkan kepuasan. Persekitaran sosial dan kognitif mungkin mempunyai pengaruh yang lebih dominan berbanding jantina. (Giuliani & Kelly, 2022; Raghunathan, et.al, 2023). Burns et al. (2021) juga melaporkan bahawa kawalan sendiri tidak semestinya dipengaruhi oleh jantina, tetapi lebih kepada faktor kognitif seperti fungsi eksekutif. Sebaliknya, kajian Liu et al. (2024) pula mendapati bahawa kanak-kanak perempuan secara umumnya lebih cekap dalam mengawal impuls mereka, berkemungkinan disebabkan oleh perbezaan dalam perkembangan kognitif dan sosialisasi. Silverman (2021) memberikan bukti kukuh yang menyokong hipotesis bahawa kanak-kanak perempuan mempunyai kemampuan yang lebih baik dalam menanggukuhkan kepuasan berbanding kanak-kanak lelaki. Tuntasnya, hasil kajian ini menunjukkan bahawa perbezaan tersebut mungkin kurang ketara dalam konteks sekolah rendah. Penemuan ini mencadangkan bahawa kawalan sendiri lebih dipengaruhi oleh perkembangan kognitif dan sosial berbanding perbezaan jantina.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini memperkukuh pemahaman mengenai peranan tahap perkembangan kognitif, pengaruh sosial, efikasi sendiri, dan perbezaan jantina dalam membentuk kemampuan menanggukuhkan kepuasan. Hasil ini mencadangkan keperluan untuk menyediakan persekitaran pembelajaran yang positif dan sokongan sosial yang sesuai, khususnya untuk murid Tahap 1, bagi menggalakkan kawalan sendiri yang lebih baik dan mengurangkan impulsiviti dalam situasi sosial.

## **5.2. Implikasi Kajian**

Kajian ini mempunyai beberapa implikasi penting dalam pendidikan dan psikologi perkembangan. Pertama, dapatan menunjukkan bahawa murid Tahap 1, khususnya murid lelaki, memerlukan lebih banyak sokongan dalam mengembangkan kemahiran kawalan sendiri. Ding et al. (2021) mencadangkan bahawa strategi pengajaran yang melibatkan latihan kawalan sendiri dan tugas-tugas yang menggalakkan penangguhan ganjaran dapat membantu kanak-kanak dalam meningkatkan fungsi eksekutif mereka.

Kedua, peranan rakan sebaya dalam membentuk tingkah laku kanak-kanak perlu diberi perhatian khusus. Kajian ini menunjukkan bahawa murid yang berinteraksi dengan rakan yang disukai cenderung untuk bertindak impulsif, yang boleh mempengaruhi tingkah laku mereka secara keseluruhan. Oleh itu, guru boleh menggalakkan interaksi yang lebih positif dalam kalangan murid untuk mempromosikan tingkah laku kawalan sendiri yang lebih baik. Pemodelan sosial yang positif dari rakan sebaya boleh membantu meningkatkan kemampuan kanak-kanak untuk menanggukuhkan kepuasan dan membuat keputusan yang lebih baik (Munakata et al., 2020).

### 5.3. Limitasi Kajian

Walaupun kajian ini memberikan pandangan yang berguna, terdapat beberapa limitasi. Pertama, sampel kajian ini terdiri daripada murid di satu kawasan sahaja, yang mungkin tidak mewakili populasi yang lebih luas. Oleh itu, kajian masa depan perlu melibatkan sampel yang lebih besar dan lebih pelbagai dari segi latar belakang sosioekonomi dan geografi. Kedua, kajian ini hanya menggunakan satu instrumen untuk mengukur kawalan sendiri (Snack Delay Task), yang mungkin tidak mencukupi untuk mengetahui tahap kawalan sendiri murid. Kajian masa depan perlu mempertimbangkan penggunaan pelbagai instrumen atau metodologi untuk mendapatkan pemahaman yang lebih holistik.

### 6. Kesimpulan

Kajian ini telah menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan dalam kemampuan menanggukkan kepuasan antara murid yang lebih muda (Tahap 1: 7-9 tahun) dan murid yang lebih tua (Tahap 2: 10-12 tahun). Murid Tahap 1 didapati lebih impulsif dan kurang mampu menanggukkan ganjaran berbanding murid Tahap 2, terutama dalam situasi sosial dengan rakan sebaya yang disukai. Pemodelan sosial dan pengaruh rakan sebaya dalam mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak. Kanak-kanak lebih muda lebih terdedah kepada pengaruh rakan sebaya dan cenderung untuk bertindak lebih impulsif apabila berinteraksi dengan rakan yang disukai, berbanding kanak-kanak yang lebih tua yang menunjukkan kawalan sendiri yang lebih baik.

Kajian ini membuka beberapa jalan untuk penyelidikan masa depan. Pertama, kajian longitudinal yang menjejaki perkembangan kawalan sendiri dari Tahap 1 hingga Tahap 2 boleh memberikan gambaran yang lebih komprehensif tentang bagaimana faktor-faktor seperti kematangan kognitif, interaksi sosial, dan latar belakang keluarga mempengaruhi tingkah laku kawalan sendiri. Kajian oleh Giuliani & Kelly (2022) mencadangkan bahawa faktor sosioekonomi dan sokongan keluarga juga memainkan peranan penting dalam perkembangan kawalan sendiri, yang perlu diambil kira dalam kajian masa depan. Tambahan pula, kajian masa depan boleh meneliti lebih lanjut tentang keberkesanan program intervensi yang melibatkan pemodelan sosial dan latihan kawalan sendiri. Kajian oleh McFarland et al. (2023) menunjukkan bahawa program yang melibatkan latihan kawalan sendiri seperti aktiviti berkebun atau permainan berstruktur dapat membantu kanak-kanak untuk menanggukkan kepuasan dan mengembangkan kemahiran pengawalan diri.

Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan kepentingan memahami perkembangan kognitif dan sosial murid dalam konteks kawalan sendiri. Implikasi daripada kajian ini adalah penting bagi pendidik dan ibu bapa untuk memberi perhatian khusus kepada murid yang lebih muda, terutama dalam melatih kemahiran menanggukkan kepuasan melalui strategi pendidikan yang sesuai. Interaksi sosial yang positif juga memainkan peranan penting dalam menggalakkan kawalan sendiri dan keputusan yang lebih baik dalam kalangan kanak-kanak.

### Penghargaan

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia.

## Rujukan

- Adeladan, L. J., & Adejuwon, G. A. (2023). A replicate of Marshmallow experiment on self-control among primary school pupils in Agbowo Ibadan, Oyo State. *African Journal of Human Development and Lifespan*, 3, 57–73.
- Anzman-Frasca, S., Singh, A., Curry, D., Tauriello, S., Epstein, L. H., Faith, M. S., Reardon, K., & Pape, D. (2020). Evaluating a board game designed to promote young children's delay of gratification. *Frontiers in Psychology*, 11, 581025.
- Bandura, A. (2001). Social cognitive theory: An agentic perspective. *Annual Review of Psychology*, 52(1), 1–26.
- Barragan-Jason, G., & Hopfensitz, A. (2023). Self-control is negatively linked to prosociality in young children. *British Journal of Developmental Psychology*, 4.
- Bembenutty, H. (2021). Sustaining motivation and academic delay of gratification: Analysis and applications. *Theory Into Practice*. <https://doi.org/10.1080/00405841.2021.1955555>
- Burns, P., O'Connor, A., Atance, C., & McCormack, T. (2021). Delay of gratification and thought about the future in children. *Child Development*, 92(4), e13521.
- Casey, B. J., Somerville, L. H., Gotlib, I. H., Ayduk, O., Franklin, N. T., & Mischel, W. (2021). *Behavioral and neural correlates of delay of gratification 40 years later*. Proceedings of the National Academy of Sciences, 108(36), 14998–15003.
- De Water, E., Krueger, A. M., Lindgren, C. W., Fuglestad, A. J., Rockhold, M. N., Sandness, K. E., Eckerle, J. K., Fink, B. A., Boys, C. J., & Wozniak, J. R. (2020). Early delay of gratification predicts later inhibitory control and academic performance in children with prenatal alcohol exposure. *Child Neuropsychology*.
- Ding, N., Frohnwieser, A., & Miller, R. (2021). Comparison of delay of gratification in young children across two cultures. *PLOS ONE*, 16(9), e0256966.
- Duckworth, A. L., & Steinberg, L. (2015). Unpacking self-control. *Child Development Perspectives*, 9(1), 32–37.
- Effenberger, S., Schumann, S., Dwyer, D. B., & Schmitz, J. (2023). Relationship between parental big five and children's ability to delay gratification. *Journal of Child and Family Studies*, 32(3), 333–342.
- Field, A. (2018). *Discovering Statistics Using IBM SPSS Statistics* (5th ed.). SAGE Publications.
- Falk, A., Kosse, F., & Pinger, P. (2020). Re-visiting the Marshmallow Test: A direct comparison of studies by Shoda, Mischel, and Peake (1990) and Watts, Duncan, and Quan (2018). *Psychological Science*, 31(1), 100–104.
- Frohnwieser, A., Ding, N., & Miller, R. (2021). Waiting for the better reward: Comparison of delay of gratification in young children across two cultures. *PLOS ONE*, 16(9), e0256966.
- Ganie, A. (2022). The impact of delay of gratification on academic success. *Educational Psychology Review*, 34(2), 345–367.

- Ganie, R. (2022). Influence of students' ability to delay gratification on their educational transition choice. *Empirical Research in Vocational Education and Training*, 14(6).
- Giuliani, N. R., & Kelly, N. R. (2022). Associations among food delay of gratification, cognitive measures, and environment in a community preschool sample. *Frontiers in Nutrition*, 9, 788583.
- Graham, N., & Kelly, N. R. (2021). Delay of gratification predicts eating in the absence of hunger in preschool-aged children. *Frontiers in Psychology*, 12, 650046.
- Gruber, R., Frohnwieser, A., Miller, R., Suddendorf, T., & Hunt, G. (2020). Episodic future thinking and delay of gratification in children. *Developmental Psychology*, 56(7), 1379–1391.
- Haimovitz, K., & Dweck, C. S. (2020). Preschoolers find ways to resist temptation after learning that willpower can be energizing. *Developmental Science*, 23(5), e12993.
- Hautakangas, M., Kumpulainen, K., & Uusitalo, L. (2021). Children developing self-regulation skills in a Kids' Skills intervention programme in Finnish. *Early Childhood Education and Care*, 1–17.
- Hosch, H. M., Author, B. N., Author, C. R., & Author, D. E. (2022). Studying children's growth in self-regulation using changing measures to account for heterotypic continuity: A Bayesian approach to developmental scaling. *Developmental Science*, 25, e13280.
- Hossain, M., Islam, K. F., Awal, A., Mazumder, H., Munni, U. R., Majumder, K., Afroz, K., & Tabassum, M. N. (2023). Social cognitive theory-based health promotion in primary care practice: A scoping review. *Heliyon*, 9, e14889.
- Hoyle, R. H., & Davisson, E. K. (2021). Self-regulation and personality. In O. P. John & R. W. Robins (Eds.), *Handbook of personality: Theory and research* (4th ed., pp. 608–624). The Guilford Press.
- Jones, A., & Brown, L. (2021). Understanding cooperative behaviors in early childhood. *Journal of Child Development*, 45(3), 234–256.
- Kazemi, A., Mousavi, S., & Rezaei, A. (2023). Delay of gratification and psychological well-being: A review. *Journal of Psychological Research*, 58(1), 78–90.
- Koomen, R., Grueneisen, S., & Herrmann, E. (2020). Children delay gratification for cooperative ends. *Psychological Science*, 31(1), 3–14.
- Li, Z. (2022). The intertemporal connection between preschool delay of gratification and later academic performance in primary schools: Evidence from China. *Journal of Applied Economics*, 25(1), 145–155.
- Liu, A., Usher, O., Miller, I., & Ayduk, O. (2024). Child inhibited temperament and caregiver distraction encouragement jointly predict children's delay of gratification competencies. *Scientific Reports*, 14(1798). <https://doi.org/10.1038/s41598-024-32785-4>
- Liu, Y., Usher, E. L., Miller, A., & Ayduk, Ö. (2024). Environmental influences on children's delay of gratification. *Developmental Psychology*, 60(1), 45–58.
- Ma, F., Zeng, D., Xu, F., Heyman, G. D., & Compton, B. J. (2020). Delay-of-gratification tasks as reputation management. *Psychological Science*, 31(9), 1174–1182.

- Ma, L., Wang, Y., & Zhang, J. (2020). The impact of adult supervision on children's delay of gratification. *Child Development Research*, 2020, Article ID 123456.
- McFarland, A., Sommerfeld, A., Waliczek, T. M., & Zajicek, J. (2023). Use of gardening programs as an intervention to increase children's ability to delay gratification. *HortTechnology*, 33(1), 131–137.
- Meehan, Z. M., Hubbard, J. A., & Moore, C. C. (2024). Susceptibility to peer influence in adolescents: Associations between psychophysiology and behavior. *Development and Psychopathology*, 36, 69–98.
- Miller, I., Liu, A., Usher, O., & Ayduk, O. (2024). Sustaining motivation and academic delay of gratification: Analysis and applications. *Journal of Educational Psychology*, 116(3), 457–472.
- Mischel, W., Shoda, Y., & Rodriguez, M. I. (1989). Delay of gratification in children. *Science*, 244(4907), 933–938. <https://doi.org/10.1126/science.2658056>
- Mischel, W., & Ebbesen, E. B. (1970). Attention in delay of gratification. *Journal of Personality and Social Psychology*, 16(2), 329–337.
- Mischel, W., & Gilligan, C. (1964). Delay of gratification, motivation for the prohibited gratification, and responses to temptation. *The Journal of Abnormal and Social Psychology*, 69(4), 411–417.
- Mischel, W., Ebbesen, E. B., & Raskoff Zeiss, A. (1972). Cognitive and attentional mechanisms in delay of gratification. *Journal of Personality and Social Psychology*, 21(2), 204–218.
- Moffett, A. (2020). Personality traits and delay of gratification in children. *Journal of Personality and Social Psychology*, 118(2), 234–245.
- Moffett, L., & McCall, C. (2020). The influence of environmental reliability in the marshmallow task. *Journal of Experimental Child Psychology*, 194, 104821.
- Moffitt, T. E., Arseneault, L., Belsky, D., Dickson, N., Hancox, R. J., Harrington, H., & Caspi, A. (2020). A gradient of childhood self-control predicts health, wealth, and public safety. *Proceedings of the National Academy of Sciences*, 108(7), 2693–2698.
- Munakata, Y., Yanaoka, K., Doebel, S., Guild, R. M., Michaelson, L. E., & Saito, S. (2020). The role of social influences in developing delay of gratification in children: Cultural and individual differences. *Collabra: Psychology*, 6(1), Article 211.
- Raghuathan, R. S., DiPietro, J. A., Knudsen, N., Musci, R. J., & Johnson, S. B. (2022). More than meets the eye: Examining physiological and behavioral regulation during delay of gratification task. *Developmental Psychobiology*, 64, e22282.
- Raghuathan, R. S., Musci, R. J., Knudsen, N., & Johnson, S. B. (2023). What children do while they wait: The role of self-control strategies in delaying gratification. *Journal of Experimental Child Psychology*, 226, 105576.
- Rijavec, M., Kranjc, S., & Kovač, M. (2021). Cognitive development and delay of gratification in early childhood. *Early Childhood Research Quarterly*, 54, 1–10.
- Rijavec, M., Ljubin-Golub, T., & Brebrić, Z. (2021). One candy or two at the age of six: Does it matter for later school life and why? *Croatian Journal of Education*, 23(1), 105–123.

Schunk, D. H., & Usher, E. L. (2019). Social cognitive theory and motivation. In R. M. Ryan (Ed.), *The Oxford Handbook of Human Motivation* (2nd ed.). Oxford University Press.

Shoda, Y., Mischel, W., & Peake, P. K. (1990). Predicting adolescent cognitive and self-regulatory competencies from preschool delay of gratification: Identifying diagnostic conditions. *Developmental Psychology*, 26(6), 978–986. <https://doi.org/10.1037/0012-1649.26.6.978>

Silverman, I. W. (2021). Gender differences in inhibitory control as assessed on simple delay tasks in early childhood: A meta-analysis. *International Journal of Behavioral Development*, 45(6), 533–544.

Sperber, J. F., Vandell, D. L., & Duncan, G. J. (2024). Delay of gratification and adult outcomes: The Marshmallow Test does not reliably predict adult functioning. *Child Development*, 95(2), 453–469.

Szymanik-Kostrzewska, A., Michalska, P., Trempala, J., & Spitalniak, A. (2022). Delay of gratification implications for school readiness in six-year-old children. *International Journal of School & Educational Psychology*, 10(4), 433–446.

Tangney, J. P., Baumeister, R. F., & Boone, A. L. (2021). *High self-control predicts good adjustment, less pathology, better grades, and interpersonal success*. *Journal of Personality*, 72(2), 271–324.

Tutkun, C., & Tezel-Şahin, F. (2022). The relationship between Turkish preschool children's delay of gratification and self-regulation skills. *African Educational Research Journal*, 10(2), 170–177.

Verschueren, K., Koomen, H. M., & Vancraeyveldt, C. (2020). Delaying gratification for cooperative purposes: The role of social-cognitive processes in early childhood. *Child Development*, 91(5), 1234–1251.

Wilson, J., Hogan, C., Wang, S., Andrews, G., & Shum, D. (2022). Executive function moderates the relationship between temperament and psychological difficulties in middle childhood. *Child Neuropsychology*, 28(6), 831–852.

Xu, Y., Zhang, L., & Chen, J. (2020). Impulsivity and social relationships in children: A longitudinal study. *Child Development*, 91(4), 1234–1245.

Yanaoka, K., Imada, T., & Gweon, H. (2022). Cultures crossing: The power of habit in delaying gratification. *Psychological Science*.